



PENANGGUHAN SEMUA AKTIVITI LUAR/PERHIMPUNAN/PROGRAM DAN PENUTUPAN SEMUA FASILITI DI BAWAH MAJLIS DAERAH SERIAN

Ekoran daripada penularan wabak **COVID-19** yang melanda Negara ketika ini, pihak pengurusan Majlis Daerah Serian telah mengambil keputusan untuk menangguhkan semua aktiviti luar / perhimpunan / program yang melibatkan **50 orang atau lebih**.

Pihak pengurusan Majlis Daerah Serian juga memutuskan untuk menutup semua fasiliti awam di bawah tanggungjawab pihak Majlis seperti **Perpustakaan Awam Serian, semua Perpustakaan Desa, Kompleks Sukan Serian, Kompleks Sukan Tebedu, Kompleks Sukan Padawan, Stadium Tertutup Serian, Dewan Masyarakat Serian, Dewan Masyarakat Tebedu, Dewan Serbaguna Ranchan dan Dewan Kuliah Ranchan** kepada orang awam mulai **17 Mac 2020** sehingga tarikh yang akan diberitahu kelak.

Penangguhan dan penutupan ini adalah selaras dengan **Arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak**.

Kerjasama dan tindakan semua pihak amatlah diharapkan bagi memastikan penyebaran wabak **COVID-19** dapat dibendung dan seterusnya dihapuskan.

Sekian, harap maklum.

SETIAUSAHA,

MAJLIS DAERAH SERIAN

Tarikh : 17 Mac 2020